

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 MEI 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Lesen eksport ikan henti seketika – ambil langkah berjaga-jaga hadapi El Nino	Kosmo
2	Garis panduan operator air	Harian Metro
3	KeTTHA keluar garis panduan untuk operator air hadapi El Nino	Bernama.com
4	Polis tunggu laporan DNA	Sinar Harian
5	Label produk tidak penuhi syarat ditetapkan	Harian Metro
6	Rombongan bantah Lynas berbasikal keliling sawah padi, kampung	Sinar Harian

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 21 MEI 2014 (RABU)**



IRMOHIZAM (tengah) menerangkan persiapan LKIM hadapi El Nino pada sidang akhbar di Wisma LKIM, Puchong, Selangor semalam. Turut kelihatan Mohad Khazin (kiri) dan Mohamad.

Ambil langkah berjaga-jaga hadapi El Nino

Lesen eksport ikan henti seketika

Oleh ZULKIFLI MANZOR

zulkifli.manzor@kosmo.com.my

PUCHONG – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membuat keputusan menghentikan sementara lesen pengeksportan ikan selama dua bulan bermula Julai ini sebagai langkah berjaga-jaga jika negara dilanda fenomena El Nino.

Pengerusi LKIM, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, fenomena El Nino yang diramalkan dari Jun hingga Ogos ini boleh mengurangkan pembiahan dan merentahkan tumbesaran ikan di dasar laut kerana air laut menjadi panas.

“Kita tidak boleh memandang enteng fenomena ini dan perlu menjangkakan semua kemungkinan. Im-

pak El Nino boleh menyebabkan bekalan ikan berkurangan.

“Oleh itu langkah berjaga-jaga perlu dilakukan bagi memastikan bekalan ikan di Malaysia mencukupi terutama semasa sambutan bulan puasa dan hari raya,” katanya pada satu sidang akhbar di Wisma LKIM di sana semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah LKIM, Datuk Mohad Khazin Hamzah dan Presiden Persatuan Nelayan Kebangsaan, Mohamad Dolmat.

Kelmarin, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) meminta semua pihak membuat persediaan awal bagi mengurangkan impak fenomena El Nino yang dijangka me-

landa negara antara Jun dan Ogos ini.

Impak El Nino kepada negara secara umumnya boleh menyebabkan jumlah hujan berkurangan terutama di Sabah dan Sarawak selain mengakibatkan cuaca menjadi lebih panas dan kering.

Sementara itu, Mohad Khazin memaklumkan, kira-kira 50,000 tan metrik ikan tidak akan dieksport berikutkan tindakan LKIM menghentikan sementara lesen pengeksportan ikan selama dua bulan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, cuma tujuh jenis ikan dilarang dieksport iaitu ikan kembung, pelaling, cencaru, selar, selayang, keli dan talapia yang dikategorikan sebagai ‘ikan rakyat’.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 32
TARIKH: 21 MEI 2014 (RABU)

Garis panduan operator air

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sudah mengeluarkan garis panduan untuk kegunaan operator air di seluruh negara sepanjang tempoh negara dilanda fenomena El Nino atau cuaca kering.

Timbalan Menterinya Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, semua syarikat air yang tersenarai sudah dimaklumkan supaya bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlakunya fenomena tersebut selama enam bulan dijangka bermula pertengahan tahun ini.

Beliau berkata antara garis panduan itu adalah operator air harus memantau rapi paras sungai dan empangan yang membekalkan air mentah kepada loji rawatan di negeri masing-masing.

Antara lain, mengaktifkan Pelan Kontingensi Bekalan Air sekiranya paras air menyusut pada tahap



“
Operator
air harus
mengenal pasti
sumber alternatif
seperti air tasik,
kolam dan air
bawah tanah
bagi menambah
sumber sedia ada”

Mahdzir Khalid

waspada dan menyediakan keperluan logistik bagi menghantar bekalan air bantuan.

“Selain itu, operator air harus mengenal pasti sumber alternatif seperti air tasik, kolam dan air bawah tanah bagi menambah sumber sedia ada dan yang terakhir melaksanakan catuan air sekiranya paras sungai dan empangan menyusut ke tahap kritikal,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pengagihan Elektrik Asia Tenggara di sini semalam.

Baru-baru ini, Jabatan Meteorologi Malaysia membuat ramalan bahawa negara dijangka mengalami Monsun Barat Daya iaitu musim kering pada bulan Jun hingga September tahun ini.

Situasi itu diburukkan lagi dengan ramalan Meteorologi Dunia (WMO) bahawa fenomena El Nino berkesemungkinan berlaku pertengahan tahun ini yang boleh berlanjutan antara enam hingga 18 bulan. – BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 21 MEI 2014 (RABU)



KeTTHA Keluar Garis Panduan Untuk Operator Air Hadapi El Nino

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah mengeluarkan garis panduan untuk kegunaan operator air di seluruh negara sepanjang tempoh negara dilanda fenomena El Nino atau cuaca kering.

Timbalan Menterinya Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kesemua syarikat air yang tersenarai telah dimaklumkan supaya bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlakunya fenomena tersebut selama enam bulan dijangka bermula pertengahan tahun ini.

Beliau berkata antara garis panduan itu adalah operator air harus memantau rapi paras sungai dan empangan yang membekalkan air mentah kepada loji rawatan di negeri masing-masing; mengaktifkan Pelan Kontingensi Bekalan Air sekiranya paras air menyusut pada paras waspada dan menyediakan keperluan logistik bagi menghantar bekalan air bantuan.

"Selain itu, operator air harus mengenal pasti sumber alternatif seperti air tasik, kolam dan air bawah tanah bagi menambah sumber sedia ada dan yang terakhir melaksanakan catuan air sekiranya paras sungai dan empangan menyusut ke tahap kritikal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pengagihan Elektrik Asia Tenggara di sini Selasa.

Baru-baru ini, **Jabatan Meteorologi Malaysia** telah membuat ramalan bahawa negara dijangka mengalami Monsun Barat Daya iaitu musim kering pada bulan Jun hingga September tahun ini.

Situasi itu diburukkan lagi dengan ramalan Meteorologi Dunia (WMO) bahawa fenomena El Nino berkemungkinan berlaku pertengahan tahun ini yang boleh berlanjutan antara enam hingga 18 bulan.

Keadaan itu telah mendorong kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan KeTTHA sebagai sekretariat.

Jawatankuasa khas itu turut dianggotai Kementerian Kesihatan; **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**; Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Komunikasi dan Multimedia; Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; Kementerian Kewangan serta Majlis Keselamatan Negara.

Sementara itu, Mahdzir berkata, kerajaan turut menilai kemungkinan untuk menyalurkan air mentah dari Pahang ke Selangor.

"Kami juga memikirkan langkah menyalurkan air dari Pahang ke Selangor...air mentah akan disalurkan menerusi Sungai Langat tanpa loji rawatan," katanya sambil menambah perkara itu akan dibincangkan oleh jawatankuasa khas Kabinet itu kelak.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (LEMBAH KLANG) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 21 MEI 2014 (RABU)**

Polis tunggu laporan DNA

KUALA LANGAT –

Polis masih menunggu laporan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dari jabatan kimia terhadap seorang mangsa yang maut akibat rentung dalam sebuah teksi dalam kejadian di Taman Mas, Bandar Saujana Putra, dekat sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Azman Abdul Razak berkata, pihaknya juga masih belum mengenal pasti siapa pemilik kenderaan (teksi) berkenaan.

Putusan ujian DNA itu penting bagi membantu mengenal pasti identiti mangsa.

Menurutnya, selain itu, pihaknya juga masih belum mengenal pasti siapa pemilik kenderaan (teksi) berkenaan.

"Masih belum ada individu yang ditahan berhubung kejadian ini. Motif kejadian masih dalam siasatan.

"Kita juga masih siasat sama ada lelaki ini dibunuh di tempat lain kemudian dibawa ke lokasi kejadian," katanya ke-



Mayat lelaki rentung

KUALA LANGAT – Mayat seorang lelaki ditemui rentung dalam sebuah teksi yang terbakar di Taman Mas, Bandar Saujana Putra, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Azman Abdul Razak berkata, pihaknya memerlukan maklumat mengenai pemotor kereta itu daripada orang awam sekitar jam

Mayat rentung ditemui dalam teksi jenis Proton Saga yang terbakar.

9.30 pagi

Pemeriksaan forensik mendapati terdapat satu rangka manusia rentung di bahagian hadapan tempat peronda kereta itu ketika

Menurutnya, lelaki itu dipercaya dibunuh terhadap diri sendiri sebelum menyatakan diri dan mengalami keadaan matang dikawal.

Menurut Azman, pihaknya cuba menggerakkan pihak berkuasa mengenai pihak berkuasa mengelakkan melalui ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Laporan Sinar Harian, semalam.

tika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Mayat lelaki rentung itu ditemui di tempat duduk hadapan bahagian pemandu sebuah teksi jenis Proton Saga

BLM di kira-kira jam 9.30 pagi, kelmarin.

Kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksian kerana pembunuhan.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 34
TARIKH: 21 MEI 2014 (RABU)**

Label produk tidak penuhi syarat ditetap

Sepang: Tahap kesedaran pengguna di negara ini mengenai fungsi sains meteorologi masih rendah menyebabkan mereka mudah ditipu dengan ketepatan pengukuran dan ketulenan sesuatu produk di pasaran.

Naib Presiden SIRIM Bhd Dr Mohamad Jamil Sulaiman berkata, hasil kajian yang dijalankan oleh pihaknya mendapati label kandungan sesuatu produk perdagangan pada sesetengah produk tidak memenuhi syarat ditetapkan pihak berwajib.

Kebanyakan produk adalah dari industri makanan dan farmaseutikal.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (SABAK BERNAM) : MUKA SURAT 45
TARIKH: 21 MEI 2014 (RABU)**

Rombongan bantah Lynas berbasikal keliling sawah padi, kampung

SABAK BERNAM –

Seramai 30 peserta rombongan bantahan isu kilang memproses nadir bumi Lynas berkunjung ke Sekinchan diraikan dengan berbasikal mengelilingi kawasan sawah padi dan sekitar kampung tradisional di kawasan itu.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, uniknya, rombongan itu diminta untuk berkayuh sendiri bagi merasai keunikan Sekinchan yang sememangnya sudah dikenali sebagai destinasi pelancongan pertanian popular di negara ini.

Menurutnya, rata-rata peserta rombongan meluahkan rasa teruja setiap kali melihat hamparan padi menghijau yang ditanam di Sekinchan serta mengagumi usaha gigih penduduk memajukan sektor itu sebagai sumber pendapatan hidup.

"Program kayuhan sebegini sebenarnya membolehkan mereka berhenti singgah di mana-mana lokasi menarik untuk merakamkan gambar kenangan-kenangan terutama bagi merasai sendiri pengalaman berada di bendang," katanya.

kepada *Sinar Harian*.

Suee Lim berkata, rombongan itu juga turut dibawa melihat ke perkampungan Melayu untuk melihat rumah tradisional lama yang masih mengekalkan ciri-cirinya yang tersendiri bagi melambangkan budaya penduduk di sini.

"Kita amat gembira dan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengunjung ke Sekinchan dan kami mahu mereka merasai sendiri pengalaman setiap kali singgah di sini dan teruja untuk datang semula," katanya.



Suee Lim meluangkan masa untuk bersama-sama bergambar dengan peserta rombongan bantah Lynas di Sekinchan.